

# PM mahu tempoh kelulusan tarik pelabur dipercepat

**Bagan Serai:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu tempoh kelulusan bagi menarik pelaburan luar, selain kelulusan pembangunan projek yang memanfaatkan rakyat dapat dipercepatkan.

Perdana Menteri berkata, dalam hal pelaburan, antara perkara dibimbangkan pelabur adalah sejauh mana keberkesanan, terutama dari sudut kecekapan memenuhi prasarana diperlukan mereka.

Beliau berkata, keberkesanan dari segi kepantasan bagi kelulusan sesuatu projek pelaburan di negara ini juga disyorkan kepada Jemaah Menteri untuk dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Perbandingan juga, katanya, dengan sejauh mana negara di rantau ini efisien memenuhi kehendak pelabur yang mahukan proses itu disempurnakan dengan cepat.

“Saya syorkan kepada Jemaah Menteri, bolehkah kita banding, bukan sahaja dengan tahun sebelumnya, malah bandingkan dengan negara berdekatan seperti Myanmar, Thailand, Indonesia dan Singapura, baru kita tahu sama ada kita cekap atau tidak.

“Bila kita buat perbandingan, ada satu dua bidang yang kita agak cekap dan ada banyak bidang yang kita agak ketinggalan. Kita pelajari daripada kelemahan itu dan kita beri asakan baharu, satu peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang baharu.

“Alhamdulillah, bila dikaji semula, baik Infineon (*Infineon Technologies AG*) atau baru-baru ini Google, Microsoft dan Amazon Web Services, mereka dapat dibawa ke Malaysia.

“Kita antara negara yang menunjukkan prestasi dan tahap kecekapan kelulusan membanggakan, maka kita peroleh pelaburan besar,” katanya berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP), di sini, semalam.

Anwar turut memberi contoh, Residensi Suria Madani di Taman Desa di ibu negara yang dilancarkannya kelmarin, diluluskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya dalam tempoh 45 hari, berbanding amalan biasa antara lapan hingga 14 bulan.

Katanya, kelulusan cepat bagi projek yang memanfaatkan rakyat sebegitu diharap menjadi pengajaran untuk semua, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT), sekali gus memperlihatkan mutu kerja yang efisien.